

02/12/1997

NEAC penentu kebangkitan ekonomi

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pencapaian pada tahap yang tertinggi matlamat penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) adalah penentu sama ada Malaysia mampu bangkit semula daripada kesan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham tempatan.

Perdana Menteri berkata, strategi Malaysia untuk menangkis dan melumpuhkan kesan perbuatan penyerang mata wang itu sudah dirancang selaras dengan keutamaan kerajaan ketika ini untuk mengembalikan semula kekukuhan ekonomi negara.

"Saya ingin tegaskan bahawa kempen kita untuk meningkatkan daya saing di pasaran dunia yang akan menentukan Malaysia tidak lumpuh kerana serangan oleh pedagang mata wang, banyak bergantung kepada semua matlamat NEAC dicapai pada tahap tertinggi," katanya berucap pada jamuan makan malam tahunan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) di sini, hari ini.

Penubuhan NEAC pada bulan ini diumumkan Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat khas Majlis Tertinggi Umno pada 20 November lalu dan diterima oleh Dewan Tertinggi Barisan Nasional pada hari berikutnya.

Menurut beliau, majlis itu diberi kuasa oleh Kabinet untuk membuat keputusan berhubung ekonomi negara tetapi ia masih perlu mengemukakan laporan kepada Kabinet dari semasa ke semasa.

Dr Mahathir menggariskan lima langkah yang perlu diambil bagi memastikan strategi yang menekankan peningkatan daya saing negara dalam pasaran antarabangsa itu mencapai kejayaan iaitu:

- * Pengawalan harga dan perbelanjaan dalam negeri melalui pengurangan import dan pembaziran yang membabitkan mata wang asing.

- * Meningkatkan eksport ke tahap tertinggi untuk menghapuskan defisit imbalan pembayaran, bahkan untuk mencapai lebihan dalam imbalan pembayaran.

- * Mempertingkatkan produktiviti dan kualiti supaya menjadikan barangan Malaysia lebih laris dan menambah keuntungan.

- * Mempertingkatkan pengetahuan dan tahap kecekapan rakyat.

- * Menghapuskan segala jenis rasuah yang menghalang kejayaan negara.

Dr Mahathir berkata, rakyat dan kerajaan perlu menyusun langkah bagi memastikan Malaysia bukan sahaja "terus wujud" tetapi kukuh dan kuat dalam mengharungi dunia yang kini semakin tersekat kebebasan dengan undang-undang dan dasar berat sebelah dikuatkuasakan.

Katanya beberapa bulan kebelakangan ini Malaysia telah merasakan pahit maung penindasan dan tindakan bengis oleh golongan yang tidak suka negara ini menyuarkan teguran.

"Mereka menentukan nilai mata wang kita diturunkan serta merta. Tiap kali kita perkatakan sesuatu yang mereka tidak ingin dengar, nilai mata wang kita diturunkan dan kita menjadi lebih miskin.

"Sekarang mereka ugut pasaran kita dengan memperingatkan kita kepada siapa kita bergantung untuk pelaburan dan pasaran," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata perkhidmatan awam, terutama PTD, mempunyai peranan yang penting bagi menentukan kejayaan atau kegagalan strategi-strategi yang bakal dilaksanakan oleh NEAC.

(END)